

## **HAK ISTIMEWA DAN SYARAT**

### **GLOSARI (Fasal 1)**

#### **1. DEFINISI DAN TAFSIRAN**

**“Ulang Tahun Sijil”** bermaksud ulang tahun Tarikh Permulaan.

**“Tahun Sijil”** bermaksud kepada satu tempoh yang bermula pada Tarikh Permulaan atau mana-mana Ulang Tahun Sijil dan berakhir pada hari sebelum Ulang Tahun Sijil yang berikut.

**“Tarikh Permulaan”** bermaksud Tarikh Permulaan seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A. Ini mencerminkan Tarikh Berkuat Kuasa dimana perlindungan bermula apabila tiada tarikh pengunduran digunakan. Jika tarikh pengunduran digunakan, Tarikh Permulaan akan lebih awal daripada Tarikh Berkuat Kuasa.

**“Caruman”** bermaksud caruman seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A atau mana-mana endorsmen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.

**“Tarikh Berkuat Kuasa”** bermaksud Tarikh Berkuat Kuasa seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A, apabila perlindungan Orang yang Dilindungi di bawah Sijil ini telah berkuat kuasa.

**“Kerugian/ Keuntungan Pelaburan”** bermaksud kerugian atau keuntungan yang terhasil daripada pengurusan pelaburan untuk Dana (-Dana) *Tabarru'* di dalam sekuriti dan aktiviti patuh Syariah.

**“Ju’alah”** bermaksud saguhati untuk perkhidmatan yang diberikan, dimana Peserta akan berkongsi Lebihan Pengunderaitan dengan Kami berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

**“Tarikh Matang”** bermaksud tarikh matang bagi perlindungan Takaful seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A yang mana perlindungan ke atas Orang yang Dilindungi telah tamat.

**“Salah Nyata”** bermaksud definisi seperti yang dinyatakan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan termasuk salah nyata yang ikhlas, melulu atau sengaja.

**“Mudharabah”** bermaksud Kami, bertindak sebagai usahawan (*Mudharib*) yang menguruskan dana yang dikumpul berdasarkan mandat pelaburan dengan satu set panduan etika yang telah ditetapkan dan Peserta sebagai pemilik modal (*Rabbul Mal*). Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi keuntungan dengan Peserta diatas pulangan pelaburan berdasarkan nisbah yang telah dipersetujui.

**“Peserta”** bermaksud Pemilik Sijil seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

**“Orang yang Dilindungi”** bermaksud orang yang diberikan perlindungan di bawah Sijil ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Takaful A.

**“Qard”** bermaksud pinjaman tanpa faedah yang diberikan dari Kami jika Dana *Tabarru'* mengalami defisit. Qard tersebut akan dibayar dari Lebihan Pengunderaitan akan datang dari Dana *Tabarru'*.

**“Jumlah Perlindungan”** bermaksud Jumlah Perlindungan Asas yang ditunjukkan dalam Jadual Takaful A atau mana-mana endorsmen selanjutnya yang dikeluarkan oleh Kami.

**“Tabarru”** bermaksud bahagian Caruman yang diperuntukkan ke dalam Dana *Tabarru'* sebagai derma yang Anda rela berikan untuk membantu dan memberikan pertolongan kepada Peserta yang memerlukan.

**“Dana Tabarru”** bermaksud sejumlah dana terkumpul yang ditubuhkan untuk tujuan perpaduan dan kerjasama di antara Peserta-Peserta dalam Dana *Tabarru'* untuk peristiwa musibah (pembayaran tuntutan).

**“Pengendali Takaful”** atau **“Kami”** bermaksud Great Eastern Takaful Berhad 201001032332 (916257-H)..

**“Tabarru’ yang Belum Luput”** bermaksud bahagian *Tabarru'* yang akan dikembalikan bagi baki bulanan selepas penyerahan.

**“Lebihan Pengunderaitan”** bermaksud lebihan yang terbit dari Dana *Tabarru'* selepas tuntutan dibayar dan satu jumlah yang sesuai darinya disimpan untuk tujuan kecemasan, jika ada.

**“Wakalah”** bermaksud kontrak agensi berdasarkan prinsip *Wakalah bi al-ujrah* (atau **“Caj Pendahuluan”** atau **“Caruman yang Tidak Diperuntukkan”**) yang mana caj yang dikenakan terdahulu mengikut peratusan Caruman yang dibayar, di mana Peserta melantik Kami untuk mengurus Dana *Tabarru'*. Amaun tersebut akan ditolak daripada Dana *Tabarru'*.

**“Anda”** merujuk Peserta yang dinamakan dalam Jadual Takaful A.

Jika tidak diberi secara khusus, tafsiran berikut akan digunakan pada Sijil ini:

- 1.1 Mana-mana rujukan kepada satu "hari perniagaan" adalah satu hari (yang bukan hari Sabtu, Ahad atau Cuti Umum di Kuala Lumpur, Malaysia) yang mana Ibu Pejabat Kami dibuka untuk perniagaan di Malaysia dan mana-mana rujukan kepada satu "hari", "minggu", "bulan" atau "tahun" adalah hari, minggu, bulan atau tahun yang menurut kalender Gregorian.
- 1.2 Semua jadual, Aneksur, Endorsmen, dan lampiran pada Sijil ini akan membentuk sebahagian daripada Sijil ini. Tetapi sekiranya terdapat percanggahan di antara jadual, Aneksur atau lampiran pada Sijil ini dengan Endorsemen atau Hak Istimewa dan Syarat, Endorsemen atau Hak Istimewa dan Syarat (mana yang berkenaan), akan digunapakai. Sekiranya terdapat konflik atau percanggahan antara Endorsmen dan Hak Istimewa dan Syarat, Endorsmen tersebut akan digunapakai.
- 1.3 Sebarang rujukan pada maskulin adalah termasuk feminin, dan begitu juga, perkataan tunggal akan termasuk perkataan jamak dan begitu juga sebaliknya, melainkan dinyatakan sebaliknya.

## ASAS KONTRAK (Fasal 2)

### 2. SIJIL TAKAFUL

- 2.1 Sijil ini dikeluarkan atas pertimbangan pembayaran Caruman telah diterima oleh Kami dan menurut:
  - 2.1.1 jawapan yang disediakan oleh Anda dan/atau Orang yang Dilindungi dalam permohonan Anda atau Cadangan untuk Takaful Keluarga ("Cadangan") atau sebarang soal selidik selanjutnya yang disediakan oleh Kami berkenaan sebarang perkara berkaitan Cadangan Anda dan sebarang pendedahan yang Anda lakukan sepanjang waktu penghantaran sehingga Sijil Takaful ini berkuat kuasa; dan
  - 2.1.2 sebarang laporan serta soal selidik lain;  
(secara kolektif dirujuk sebagai "Maklumat Penting").  
Maklumat Penting tersebut akan membentuk sebahagian daripada kontrak Takaful ini antara Kami dan Anda. Namun, jika sebarang salah nyata dilakukan sebelum kontrak dibuat berhubung dengan Maklumat Penting tersebut, remedii dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 akan digunakan.
- 2.2 Ia merupakan tanggungjawab Anda untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak melakukan sebarang Salah Nyata semasa menjawab soalan atau mengesahkan atau meminda sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah.
- 2.3 Anda mestilah memaklumkan kepada Kami berkenaan sebarang perubahan maklumat yang diberi dalam jawapan Anda atau berhubung sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya kepada Kami jika perubahan tersebut berlaku selepas Anda menghantar permohonan untuk pembaharuan atau pengubahan tetapi sebelum Sijil ini diperbaharui atau diubah.
- 2.4 Sijil ini boleh diubah dengan keizinan secara bertulis oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kami atau mana-mana individu yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Kami dengan memberi peruntukan atau Endorsemen ("Dokumen") pada Sijil ini. Sebarang perubahan selanjutnya terhadap Sijil ini akan diberitahu kepada anda dengan pemberitahuan secara bertulis dan sesuai dengan klausa "Pemberitahuan dan Surat Menyurat" di bawah.

## CARUMAN DAN CAJ (Fasal 3 - 6)

### 3. CARUMAN

- 3.1 Caruman akan diperuntukkan ke dalam Dana Tabarru'. Caruman boleh meningkat oleh Anda berdasarkan umur hari lahir berikut Orang yang Dilindungi yang dicapai pada setiap Ulang Tahun Sijil.
- 3.2 Semua Caruman yang dibayar di bawah Sijil ini mesti dibayar kepada Kami pada atau sebelum setiap tarikh Caruman perlu dibayar.
- 3.3 Sekiranya caruman tidak dibayar semasa Sijil ini berkuat kuasa, Sijil ini akan luput dengan segera selepas tamat tempoh tenggang.

### 4. CAJ PENDAHULUAN

- 4.1 Caj Pendahuluan adalah amaun yang ditolak terdahulu dari Dana *Tabarru'* (sebagai peratusan Caruman ditolak Cukai Perkhidmatan dan / atau cukai-cukai lain, jika ada) dan digunakan untuk memenuhi kos pengagihan langsung dan perbelanjaan pengurusan.
- 4.2 Jika Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahun atau suku tahun dan sekiranya Sijil ini diserahkan atau ditamatkan disebabkan oleh sebarang peruntukan sebelum tarikh Caruman berikutnya, Caj Pendahuluan (selain daripada Caj Pendahuluan bagi tahun pertama) yang ditolak perbelanjaan sebenar akan dikembalikan.
- 4.3 Perbelanjaan pengurusan termasuk Duti Setem sebanyak Ringgit Malaysia sepuluh (RM10).

### 5. TABARRU'

- 5.1 Kami akan menolak *Tabarru'* daripada caruman yang dibayar berdasarkan mod bayaran yang dipilih pada permulaan setiap caruman.
- 5.2 Amaun *Tabarru'* bersamaan dengan baki caruman yang dibayar selepas Caruman yang Tidak Diperuntukkan akan disalurkan kepada Dana *Tabarru'* menggunakan formula berikut:  
$$\text{Tabarru'} = \text{Caruman yang Dibayar} \times 0.9$$

### 6. KEBENARAN UNTUK MENGUBAH KADAR

Kami boleh mengubah Caruman, Kadar *Tabarru'* dan caj-caj lain ("Kadar dan Caj") di bawah Sijil ini dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) bulan terlebih dahulu ("Tempoh Pemberitahuan") kepada Anda menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyurat'. Sebarang semakan sama ada untuk menaikkan atau menurunkan Kadar dan Caj akan berkuat kuasa pada Ulang Tahun Sijil sejurus selepas berakhirnya Tempoh Pemberitahuan, kecuali dan sebaliknya, anda tidak bersetuju secara bertulis dan memberitahu Kami dalam Tempoh Pemberitahuan mengenai niat Anda untuk menyerahkan atau menamatkan Sijil ini.

## LUPUT DAN PENGUATKUASAAN SEMULA (Fasal 7 - 8)

### 7. TEMPOH TENGGANG DAN PENAMATAN

- 7.1 Anda dibenarkan untuk membayar Caruman selanjutnya di bawah Sijil ini sehingga tiga puluh (30) hari dari setiap tarikh Caruman perlu dibayar ("Tempoh Tenggang").
- 7.2 Jika suatu tuntutan berlaku dalam Tempoh Tenggang semasa Sijil ini berkuat kuasa sebelum caruman dibayar, Sijil ini adalah sah dan berkuat kuasa seolah-olah caruman telah dibayar. Namun, sebarang jumlah hutang di bawah Sijil ini akan ditolak dari bayaran tuntutan yang boleh dibayar kepada Anda.
- 7.3 Apabila tamat Tempoh Tenggang, Sijil ini akan luput.

### 8. PENGUATKUASAAN SEMULA

- 8.1 Jika Sijil ini ditamatkan akibat luput, atau tidak mematuhi, Anda boleh memohon penguatkuasaan semula Sijil ini, dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penamatan, mengikut budi bicara Kami dan tertakluk kepada syarat berikut:
  - 8.1.1 Permohonan bertulis Anda bagi penguatkuasaan semula telah diterima oleh Kami;
  - 8.1.2 Orang yang Dilindungi dalam lingkungan umur yang dibenarkan seperti ditentukan oleh Kami semasa penguatkuasaan semula;
  - 8.1.3 Anda mesti membayar semua caruman yang belum dibayar kepada Kami sehingga tarikh penguatkuasaan semula; dan
  - 8.1.4 sebarang syarat lain yang dikenakan oleh Kami.
- 8.2 Kami mungkin meluluskan, menolak atau mengenakan syarat tambahan secara bertulis yang dianggap sesuai ke atas permohonan Anda bagi penguatkuasaan semula mengikut budi bicara Kami.
- 8.3 Jika terdapat sebarang Salah Nyata dilakukan dalam permohonan Anda untuk penguatkuasaan semula dan Sijil ini telah berkuat kuasa selama dua (2) tahun atau kurang dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, Kami boleh membatalkan Sijil, mengikut budi bicara Kami, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan seperti berikut:
  - 8.3.1 Salah Nyata sengaja atau melulu; atau
  - 8.3.2 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami tidak akan menguatkuasakan semula Sijil ini; atau
  - 8.3.3 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami akan menguatkuasakan semula Sijil ini.
- 8.4 Jika terdapat sebarang Salah Nyata dilakukan dalam permohonan Anda untuk penguatkuasaan semula dan Sijil ini telah berkuat kuasa melebihi dua (2) tahun dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, Kami boleh membatalkan Sijil, mengikut budi bicara Kami, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan sebagai sengaja atau melulu, di mana Kami tidak akan menguatkuasakan semula Sijil ini.
- 8.5 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 8.4 di atas, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik Caj Pendahuluan yang belum diperolehi ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

## PILIHAN SIJIL (Fasal 9 - 10)

### 9. PENAMBAHAN/PENGURANGAN JUMLAH PERLINDUNGAN

Anda tidak dibenarkan untuk menambahkan Jumlah Perlindungan tetapi Anda boleh mengurangkan Jumlah Perlindungan tertakluk kepada syarat berikut dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Kami:

- 9.1 sebarang permohonan untuk mengurangkan Jumlah Perlindungan boleh dilakukan pada bila-bila masa tertakluk kepada caruman minimum dan mestilah dalam had Jumlah Perlindungan yang ditentukan oleh Kami; dan
- 9.2 pengurangan Jumlah Perlindungan akan berkuat kuasa dari tarikh caruman berikutnya perlu dibayar; dan

- 9.3 Caruman akan berkurang apabila pengurangan dalam Jumlah Perlindungan, dan perubahan dalam Caruman akan berkuat kuasa apabila pengurangan dalam Jumlah Perlindungan berkuat kuasa.

## 10. SERAHAN

Anda boleh menyerahkan Sijil ini dan Kami akan memulangkan seperti berikut:

- 10.1 Caruman yang Tidak Diperuntukkan yang belum diperolehi daripada Kami (selain daripada Caruman yang Tidak Diperuntukkan bagi tahun pertama). Sekiranya Sijil diserahkan sebelum tarikh Caruman berikutnya perlu dibayar dan apabila Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan, Caruman yang Tidak Diperuntukkan setelah ditolak perbelanjaan sebenar akan dikembalikan; dan
- 10.2 Tabarru' yang belum luput daripada Dana Tabarru'. Sekiranya Sijil diserahkan sebelum tarikh Caruman berikutnya perlu dibayar dan apabila Caruman dibayar secara tahunan, setengah tahunan atau suku tahunan, jumlah Tabarru' yang dipulangkan adalah bersamaan dengan peratusan caruman Tabarru' berdasarkan tempoh Sijil yang telah dikuatkuasakan dan mod pembayaran caruman.

Tempoh Tidak Melebihi	Pemulangan Tahunan Caj Tabarru'	Pemulangan Setengah Tahunan Caj Tabarru'	Pemulangan Suku Tahunan Caj Tabarru'	Pemulangan Bulanan Caj Tabarru'
1 bulan	90%	85%	65%	Tiada Pemulangan
2 bulan	85%	65%	35%	Tiada Pemulangan
3 bulan	75%	50%	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan
4 bulan	65%	35%	65%	Tiada Pemulangan
5 bulan	60%	15%	35%	Tiada Pemulangan
6 bulan	50%	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan
7 bulan	40%	85%	65%	Tiada Pemulangan
8 bulan	35%	65%	35%	Tiada Pemulangan
9 bulan	25%	50%	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan
10 bulan	15%	35%	65%	Tiada Pemulangan
11 bulan	10%	15%	35%	Tiada Pemulangan
>11 bulan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan	Tiada Pemulangan

Sijil ini akan ditamatkan setelah pembayaran nilai serahan tersebut dibuat dan semua manfaat dan hak di bawah Sijil ini akan terhenti.

## PERUNTUKAN DANA TAKAFUL (Fasal 11 - 13)

### 11. DANA TABARRU'

- 11.1 Berdasarkan konsep Syariah bagi *Tabarru'*, Anda akan mendermakan sebahagian dari Caruman ke dalam Dana *Tabarru'* untuk tujuan tolong menolong. Dana *Tabarru'* yang dimiliki oleh kumpulan Peserta-peserta dan diuruskan oleh Kami untuk tujuan pembayaran tuntutan manfaat yang dilindungi di bawah Sijil ini.
- 11.2 Berdasarkan kontrak Syariah *Mudharabah*, Anda sebagai pemilik modal melantik Kami sebagai pengusaha untuk menjalankan aktiviti pelaburan patuh Syariah untuk Dana *Tabarru'* bagi pihak Anda. Sebagai balasannya, Kami akan berkongsi bahagian peratusan keuntungan pelaburan yang telah ditentukan.

## 12. LEBIHAN PENGUNDERAITAN

- 12.1 Lebihan Pengunderaitan dikira dan diagihkan selepas setiap tahun kewangan.
- 12.2 Sebarang Lebihan Pengunderaitan yang diagihkan itu ditentukan setelah sebahagian yang sesuai darinya, disimpan untuk tujuan kecemasan sebelum ia dikongsi antara Anda dan Kami masing-masing dengan kadar lima-puluh peratus (50%) dan lima-puluh peratus (50%).
- 12.3 Sebarang jumlah Lebihan Pengunderaitan yang tidak diguna pakai, yang disimpan untuk tujuan kecemasan, akan dimasukkan ke dalam pengiraan Lebihan Pengunderaitan untuk tahun kewangan seterusnya.
- 12.4 Lebihan Pengunderaitan (jika ada) tidak akan diagihkan jika Kami menilai bahawa lebihan yang ada harus dibiarkan di dalam Dana *Tabarru'* bagi mengekalkan keupayaannya untuk menampung hutang akan datang atau memenuhi jangkaan Anda yang berpatutan yang mana tidak disediakan secara khusus dalam nilai aktuari Kami.
- 12.5 Sekiranya terdapat defisit dari Dana *Tabarru'*, tiada agihan Lebihan Pengunderaitan pada tahun kewangan tersebut. Di dalam keadaan tersebut, defisit itu akan dibayai daripada jumlah yang diperuntukkan untuk tujuan kecemasan dahulu. Jika Dana *Tabarru'* masih lagi mengalami defisit, *Qard* akan diaturkan. *Qard* akan dibawa ke hadapan ke tahun kewangan berikutnya dan sebarang lebihan akan digunakan untuk melunaskan *Qard* (jika ada) kepada Kami sebelum ianya diagihkan.

## 13. KEUNTUNGAN/KERUGIAN PELABURAN

- 13.1 Sebarang Keuntungan Pelaburan atau Kerugian Pelaburan, daripada Dana *Tabarru'* akan dikira dan diagihkan setiap tahun, selepas setiap tahun kewangan.
- 13.2 Sebarang Keuntungan Pelaburan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada, akan dikongsi antara Anda dan Kami dengan kadar lima-puluh peratus (50%) dan lima-puluh peratus (50%) masing-masing. Jumlah yang diperuntukkan kepada Anda akan dikreditkan ke dalam akaun bank Anda.
- 13.3 Sebarang Kerugian Pelaburan di dalam Dana *Tabarru'* akan dibawa ke hadapan dan akan diambil kira sebelum dimasukkan dalam pengiraan Lebihan Pengunderaitan (atau defisit) pada tahun kewangan seterusnya.

## MANFAAT DAN SYARAT SIJIL (Fasal 14 - 15)

### 14. MANFAAT KEMATIAN

- 14.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat Kami, Jumlah Perlindungan daripada Dana *Tabarru'*, jika ada, akan dibayar dalam satu jumlah penuh sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia.
- 14.2 Pemberitahuan kematian mesti disertakan dengan bukti bertulis tentang kematian.
- 14.3 Jumlah sebarang hutang bagi Sijil ini akan ditolak daripada bayaran tuntutan yang boleh dibayar.
- 14.4 Sijil ini akan ditamatkan ketika kematian Orang yang Dilindungi dan semua manfaat serta hak (kecuali jumlah yang dibayar di bawah Fasal 14.1 di atas serta peruntukan lain bagi pembayaran manfaat, jika ada, di bawah Sijil ini) di bawah ini akan berhenti.

### 15. ELAUN PENGURUSAN PENGEBUMIAN

- 15.1 Semasa Sijil ini berkuat kuasa dan tertakluk kepada terma dan syarat Kami, apabila kematian Orang yang Dilindungi, Kami akan membayar Elaun Pengurusan Pengebumian sebanyak RM5,000 daripada Jumlah Perlindungan yang akan dibayar terlebih dahulu daripada Dana *Tabarru'* dalam satu jumlah penuh.

#### Dengan syarat:

- 15.1.1 Bukti-bukti bertulis yang diperlukan tentang kematian dan/atau bukti-bukti lain yang memuaskan Kami diserahkan sewajarnya kepada Kami; dan
- 15.1.2 Elaun Pengurusan Pengebumian yang dibayar di bawah Fasal ini tertakluk kepada pembayaran maksimum sebanyak RM5,000 setiap seorang di bawah Sijil ini dan sijil-sijil lain yang dikeluarkan oleh Kami yang menyediakan Elaun Pengurusan Pengebumian ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.

- 15.2 Bagi mengelakkan keraguan, pembayaran Elaun Pengurusan Pengebumian tidak akan menentukan pengakuan liabiliti oleh Kami untuk membayar Manfaat Kematian dan manfaat lain di bawah Sijil ini dan sijil-sijil lain yang dikeluarkan oleh Kami ke atas Orang yang Dilindungi yang sama.

## **PERUNTUKAN LAIN (Fasal 16 - 28)**

### **16. PENGESAHAN UMUR**

- 16.1 Anda mesti membuktikan umur sebenar Anda kepada Kami sebelum Kami boleh membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini melainkan maklumat ini telah dipastikan dan disahkan sebelum itu oleh Kami sebagai betul.
- 16.2 Kami berhak untuk mengubah Jumlah Perlindungan, dan lebihan atau keuntungan yang diperuntukkan, atau mengurangkan caruman, di bawah Sijil ini, berdasarkan umur sebenar Anda sekiranya ia telah dinyatakan salah dalam Cadangan.

### **17. SIJIL MATANG**

Sijil ini akan ditamatkan pada Tarikh Matang dan semua manfaat dan hak di bawah Sijil ini akan terhenti.

### **18. BUNUH DIRI**

Jika Orang yang Dilindungi, sama ada waras atau tidak waras, membunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa atau dari tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana yang kemudian, Sijil ini akan terbatal dan tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik jumlah yang ditolak untuk 'Tabarru'.

### **19. TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN**

- 19.1 Kami tidak akan mempertikaikan kesahihan Sijil ini dalam sepanjang hidup Orang yang Dilindungi selepas dua (2) tahun dari Tarikh Berkuat Kuasa atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil ini, mana yang kemudian, melainkan terdapat penipuan.
- 19.2 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal atas apa jua sebab (kecuali sebab yang dinyatakan dalam Fasal 18 di atas), tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik Caruman yang Tidak Diperuntukkan yang belum diperolehi. ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.

### **20. REMEDI UNTUK SALAH NYATA**

- 20.1 Fasal ini hanya digunakan jika tempoh Sijil ini adalah dua (2) tahun atau kurang dari Tarikh Berkuat Kuasa.
- 20.2 Kami boleh membatalkan Sijil, mengikut budi bicara Kami, jika berlaku sebarang Salah Nyata yang dilakukan oleh Anda sebelum kontrak dibuat berkaitan dengan semua kenyataan dan jawapan yang diberikan oleh Anda dan/atau Orang yang Dilindungi ("Maklumat Penting") ketika memohon Sijil ini, jika Salah Nyata yang dilakukan diklasifikasikan sebagai:
- 20.2.1 Salah Nyata sengaja atau melulu; atau
- 20.2.2 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami tidak akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil ini; atau
- 20.2.3 Salah Nyata cuai atau ikhlas, di mana Kami akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil ini.
- 20.3 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau batal menurut Fasal 20.2.1 di atas, tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik Caj Pendahuluan yang belum diperolehi ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Keuntungan Pelaburan dan/atau Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh

Jawatankuasa Syariah Kami.

- 20.4 Jika Sijil ini menjadi tidak sah atau dibatalkan menurut Fasal 20.2.2 tanggungjawab Kami terhad kepada pembayaran balik perkara berikut, jika ada:
- 20.4.1 Caj Pendahuluan yang belum diperolehi;
  - 20.4.2 *Tabarru'* (tidak termasuk Lebihan Pengunderaitan, jika ada); dan
  - 20.4.3 Keuntungan Pelaburan.
- ditolak sebarang hutang di bawah Sijil ini. Lebihan Pengunderaitan, jika ada, akan disalurkan kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami.
- 20.5 Jika Sijil ini dikeluarkan atau diperbaharui menurut Fasal 20.2.3 di atas, Kami, mengikut budi bicara Kami, boleh:
- 20.5.1 mengubah sebarang terma dan syarat Sijil ini serta menganggap seolah-olah Sijil ini telah dikeluarkan atau diperbaharui bagi terma dan syarat yang telah diubah; dan
  - 20.5.2 jumlah yang akan dibayar bagi tuntutan akan dikurangkan sewajarnya mengikut polisi Kami yang relevan pada masa yang material.

## 21. NOTIS SERAH HAK

Notis serah hak secara bertulis, jika berkenaan, pada Sijil ini dianggap telah diberitahu kepada Kami, jika ia diserahkan kepada Kami di Pejabat Kami dan Kami telah memberi pengakuan secara bertulis. Dengan notis pengakuan itu, Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas kesahihan sebarang serah hak.

## 22. PERTUKARAN PENAMA

Anda boleh membuat pertukaran penamaan Anda dengan memberitahu Kami secara bertulis. Pertukaran akan berkuat kuasa dari tarikh Kami menerima notis bertulis daripada Anda.

## 23. PENERIMAAN ARAHAN

Kami hanya akan menerima arahan, permintaan atau notis apabila borang, dokumen, maklumat dan persetujuan seperti yang dikehendaki oleh Kami, telah diterima.

## 24. KEDIAMAN, PEKERJAAN DAN PERJALANAN

Sijil ini bebas daripada sekatan yang berhubung dengan kediaman, pekerjaan dan perjalanan.

## 25. NOTIS DAN SURAT-MENYURAT

- 25.1 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat kepada Kami dan Anda hendaklah dibuat secara bertulis. Alamat surat-menyerat, alamat e-mel atau nombor telefon bimbit adalah seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan takaful keluarga melainkan terdapat sebarang makluman perubahan kepada Kami.
- 25.2 Sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyerat yang diberi oleh Kami kepada Anda hendaklah dianggap sebagai telah diterima secara muktamad bagi yang berikut:
- 25.2.1 untuk serahan sendiri, pada hari serahan;
  - 25.2.2 untuk pos biasa atau pos berdaftar pra-bayar, tujuh (7) hari selepas tarikh pos, untuk pos ke suatu alamat di Malaysia, dan empat belas (14) hari, jika pos ke alamat luar dari Malaysia;
  - 25.2.3 untuk penghantaran melalui e-mel atau perkhidmatan pesanan ringkas, pada hari ia dihantar;
  - 25.2.4 untuk penerbitan dalam surat khabar harian tempatan, pada hari ia diterbitkan; atau
  - 25.2.5 untuk dimuat naik dalam laman sesawang rasmi Kami atau laman sesawang lain, hari mana yang paling kemudian bagi penghantaran secara elektronik atau hari pemberitahuan berasingan telah diterima oleh Anda berkenaan penghantaran secara elektronik melalui sebarang cara yang berkesan seperti disediakan dalam Fasal-Fasal 25.2.1, 25.2.2, 25.2.3 atau 25.2.4 masing-masing, seperti ditentukan Kami dari semasa ke semasa
- 25.3 Dengan syarat seperti yang dinyatakan dalam Fasal-fasal 25.1 dan 25.2 di atas, dalam hal

apabila sebarang notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat dikembalikan semula selepas Kami telah membuat sekurang-kurangnya dua (2) percubaan berturut-turut untuk menyerahkannya kepada Anda, Kami boleh menahan semua notis, permintaan, arahan atau surat-menyurat seterusnya mengikut budi bicara Kami, atas risiko Anda sendiri, sehingga Kami telah diberitahu oleh Anda mengenai alamat surat-menyurat atau alamat e-mel atau nombor telefon bimbit baru Anda.

**26. UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL**

- 26.1 Sijil ini akan dikawal oleh undang-undang Malaysia dan mahkamah Malaysia akan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk sebarang pertikaian yang timbul daripada atau berkaitan dengan Sijil ini.
- 26.2 Kami berhak memindah terma dan syarat Sijil ini pada bila-bila masa dengan mematuhi sebarang perubahan perundangan, pengubahsuaian atau pindaan berkanun yang digubal dari semasa ke semasa, dengan memberi notis bertulis terlebih dahulu kepada Anda menurut Fasal 'Notis dan Surat-Menyurat'.

**27. HAD PENETAPAN DAN PENGECUALIAN**

Kami berhak untuk tidak:

- 27.1 memberikan perlindungan Takaful, termasuk semua manfaat yang berkaitan dengan atau berkaitan dengan perlindungan Takaful tersebut ataupun dianggap sebagai menyediakan perlindungan Takaful tersebut (dan jika pembayaran telah dibuat oleh anda di bawah Sijil, pembayaran tersebut tidak akan dianggap diterima dan diterima oleh kami); atau
- 27.2 diwajibkan untuk membayar sebarang jumlah, termasuk namun tidak terhad kepada pembayaran tuntutan, pengembalian caruman, penyerahan atau pembatalan pembayaran; sekiranya memberikan perlindungan Takaful atau pembayaran jumlah tersebut akan mendedahkan Kami kepada sebarang penetapan, larangan, sekatan atau pelanggaran sebarang undang-undang dan/atau peraturan yang ditadbir mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang mengawal selia dan berkelayakan atau sebarang penguatkuasaan undang-undang dalam mana-mana negara.

**28. HAD SUMBANGAN**

Sekiranya jumlah yang perlu dibayar di bawah Sijil(-Sijil) Anda dalam tahun kalender berjumlah RM10 dan ke bawah disebabkan Sijil(-Sijil) Anda luput, serahan, penamatkan atau matang (termasuk semua produk). Kami akan menyalurkan jumlah tersebut kepada mana-mana pertubuhan kebajikan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Kami. Walau bagaimanapun, jika Anda tidak bersetuju, permintaan bertulis yang rasmi perlu dihantar kepada Kami.

\*\*MUKA SURAT TAMAT\*\*

## Great Eastern Takaful Berhad

### ENDORSMEN HILANG UPAYA PENUH DAN KEKAL (DEWASA)

#### ENDORSMEN NO. TE050 (D HUPKA)

##### 1. DEFINISI

Bagi tujuan Endorsmen ini, perkataan atau ungkapan berikut, jika dinyatakan dalam Endorsmen ini, akan mempunyai maksud berikut melainkan dinyatakan sebaliknya. Sebarang perkataan atau ungkapan yang tidak ditakrifkan secara spesifik dalam Endorsmen ini akan mempunyai maksud yang sama seperti dinyatakan dalam Sijil ini:-

**“Aktiviti Kehidupan Harian”** adalah seperti berikut

- (a) Pemindahan  
Duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (b) Pergerakan  
Keupayaan untuk bergerak dari satu bilik ke bilik yang lain tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (c) Perihal Mengawal  
Keupayaan untuk mengawal fungsi usus dan pundi kencing secara sendirinya seperti menjaga kebersihan diri.
- (d) Pemakaian  
Memakai dan menanggalkan kesemua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (e) Mandi/Membersihkan diri  
Keupayaan untuk membersihkan diri di tempat mandi tab atau mandi pancuran (termasuk memasuki dan keluar dari tempat mandi tab atau mandi pancuran) atau membersihkan diri dengan cara yang lain.
- (f) Makan  
Kesemua tugas memasukkan makanan ke dalam badan apabila makanan telah disediakan.

**“Sijil”** bermaksud sijil asas yang mana Endorsmen ini dilampirkan.

**“Tarikh Matang”** bermaksud tarikh matang untuk Sijil ini seperti dinyatakan dalam Jadual Takaful A, apabila perlindungan di bawah Sijil ini telah dihentikan sewajarnya.

**“Pengamal Perubatan”** bermaksud seorang pakar bedah atau pakar perubatan yang mempunyai kelayakan ijazah dalam perubatan barat, mempunyai lesen sah di sisi undang-undang dan berkelayakan dengan sepatutnya untuk mengamalkan perubatan dan pembedahan yang dibenarkan dalam kawasan geografi amalannya, dan juga mempunyai Sijil Amalan Tahunan semasa yang dikeluarkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

**“Hilang Upaya Penuh dan Kekal”** atau **“HUPK”** ditakrifkan sebagai satu keadaan ketidakupayaan yang:

- (a) Menjadi penuh dan kekal sepanjang masa pada atau selepas berlakunya keadaan demikian, tiada sebarang kerja, pekerjaan atau profesion yang boleh dilakukan atau diikuti oleh Orang yang Dilindungi dengan secukupnya untuk memperoleh atau mendapatkan sebarang upah, pampasan atau keuntungan; atau
- (b) disebabkan mana-mana yang berikut:
  - (1) Hilang penglihatan kedua-dua belah mata secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau
  - (2) hilang penggunaan kedua-dua belah anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau
  - (3) hilang penglihatan sebelah mata dan hilang penggunaan satu anggota pada atau atas pergelangan tangan atau pergelangan kaki secara penuh dan tidak boleh dipulihkan; atau

- (c) menyebabkan Orang yang Dilindungi hilang upaya sedemikian rupa sehingga tidak boleh melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) daripada Kegiatan Kehidupan Harian yang disenaraikan secara penuh dan kekal walaupun dengan menggunakan perkakas mekanikal, peralatan khas atau alat bantu dan alat adaptasi lain yang digunakan untuk orang yang hilang upaya.

Untuk tujuan manfaat ini, perkataan "kekal" bermaksud tiada harapan untuk sembuh dengan pengetahuan dan teknologi perubatan semasa penerimaan tuntutan. Kerosakan fungsi kekal akibat daripadanya hendaklah disahkan oleh Pengamal Perubatan dan dipersetujui dengan sepatutnya oleh pegawai perubatan Pengendali Takaful.

## 2. MANFAAT HILANG UPAYA PENUH DAN KEKAL

Semasa Sijil ini berkuatkuasa dan tertakluk kepada terma dan syaratnya, jika Orang yang Dilindungi mengalami HUPK sebelum Ulang Tahun Sijil apabila dia mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya, Pengendali Takaful akan mengira Jumlah Perlindungan bagi HUPK selepas pemberitahuan hilang upaya. Selepas tuntutan dibenarkan, Pengendali Takaful akan membayar Jumlah Perlindungan bagi Hilang Upaya menurut terma dan syarat Fasal 2 di bawah.

### Dengan syarat:

- 2.1 HUPK bagi Orang yang Dilindungi mesti disahkan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Pengendali Takaful, sebagai telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari tarikh hilang upaya. Bukti berdokumen yang memuaskan mestilah diberi kepada Pengendali Takaful bagi membuktikan hilang upaya tersebut telah berterusan untuk sekurang-kurangnya enam (6) bulan berturut-turut dari pembayaran jumlah sekali gus yang pertama dan pada setiap pembayaran tahunan selanjutnya.
- 2.2 Jika tidak lagi mengalami HUPK, Pengendali Takaful akan menghentikan pembayaran seperti dinyatakan dalam Fasal 2.3 di bawah dan Sijil ini akan diteruskan di bawah terma dan syarat seperti ditentukan oleh Pengendali Takaful mengikut budi bicara Kami.
- 2.3 Pembayaran Jumlah Perlindungan di bawah Sijil ini tertakluk kepada cara berikut:
- 2.3.1 pembayaran jumlah sekali gus sehingga maksimum RM1,000,000; dan
- 2.3.2 dua kali bayaran tahunan yang sama nilai bagi sebarang Jumlah Perlindungan melebihi RM1,000,000 tetapi tidak melebihi RM2,000,000, iaitu yang pertama akan dibayar satu tahun selepas tarikh bayaran jumlah sekali gus yang dinyatakan dalam 2.3.1 di atas.
- Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada Fasal 2.4 di bawah.
- 2.4 Pembayaran yang dibuat mengikut Fasal 2.3 di atas adalah tertakluk kepada syarat berikut iaitu Jumlah Perlindungan yang dibayar adalah terhad kepada amaun yang tidak melebihi:
- 2.4.1 RM1,000,000 dalam agregat di bawah Sijil ini dan semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada (Sijil berkelompok dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful serta memberi manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal ke atas Orang yang Dilindungi yang sama, pada tahun pertama apabila tuntutan Hilang Upaya Penuh dan Kekal telah dibenarkan oleh Pengendali Takaful; dan
- 2.4.2 RM2,000,000 dalam agregat di bawah Sijil ini dan semua sijil individu dan yang berkaitan dengan kredit termasuk endorsmen dan aneksur, jika ada (Sijil berkelompok dikecualikan) yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful serta memberi manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal ke atas Orang yang Dilindungi yang sama selepas tuntutan Hilang Upaya Penuh dan Kekal telah dibenarkan oleh Pengendali Takaful.

- 2.5 Selepas pembayaran sebahagian daripada Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Fasal 2.3 diatas, Jumlah Perlindungan akan dikurangkan dengan sewajarnya.
- 2.6 Semasa Sijil ini matang, Pengendali Takaful akan membayar sebarang baki bayaran tahunan yang masih belum dibayar seperti dinyatakan dalam Fasal 2.3 di atas dan sebarang baki Jumlah Perlindungan sebagai manfaat matang dalam satu jumlah sekali gus, jika berkenaan.
- 2.7 Sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia sebelum bayaran tahunan terakhir seperti dinyatakan dalam Fasal 2.3 diatas dibuat, Pengendali Takaful akan membayar baki bayaran tahunan tersebut, jika ada, yang masih belum dibayar dalam satu jumlah sekali gus.
- 2.8 Sebelum pembayaran manfaat yang boleh dibayar di bawah Fasal 2 ini, jumlah sebarang hutang ke atas Sijil ini serta sebarang penarikan balik yang dibuat dari tarikh hilang upaya akan ditolak terlebih dahulu daripada manfaat yang dibayar.
- 2.9 Sebarang Caruman yang dibayar selepas Tarikh Kejadian Tuntutan akan dipulangkan kepada Peserta.

### 3. PENGECAULIAN

Pengendali Takaful tidak akan bertanggungjawab untuk membayar sebarang manfaat di bawah Sijil ini jika HUPK bagi Orang yang Dilindungi:

- 3.1 Sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuatkuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
- 3.2 disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
- 3.3 disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- 3.4 akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau felonii atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi; atau
- 3.5 akibat perperangan, sama ada diisyiharkan atau tidak.

### 4. SYARAT

Sebagai tambahan kepada terma dan syarat Sijil ini, Pengendali Takaful akan membayar manfaat HUPK seperti dinyatakan dalam Fasal 2 di atas hanya jika semua syarat berikut telah dipenuhi:

- 4.1 Pematuhan wajar dan penunaian terma serta syarat Aneksur ini oleh Orang yang Dilindungi dan Anda serta sejauh mana ia berkaitan dengan apa jua yang akan dilakukan atau dipatuhi oleh Orang yang Dilindungi dan Anda akan menjadi syarat terdahulu kepada sebarang tanggungjawab Pengendali Takaful.
- 4.2 Anda mesti memaklumkan Pengendali Takaful secara bertulis berkenaan sebarang tuntutan dengan secepat yang boleh. Dalam sebarang kes, Anda mestilah mengemukakan bukti HUPK yang memuaskan bagi Orang yang Dilindungi dalam bentuk yang diperlukan oleh Pengendali Takaful dalam tempoh seratus lapan puluh (180) hari dari tarikh HUPK bermula.
- 4.3 HUPK bagi tuntutan yang dibuat mesti didiagnosis oleh Pengamal Perubatan dan mesti disokong dengan bukti klinikal, radiologi, histologi dan makmal yang boleh diterima oleh Pengendali Takaful; semua bukti perubatan tersebut mesti diberi atas perbelanjaan orang yang menuntut, dan dalam bentuk seperti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful.
- 4.4 Jika dikehendaki oleh Pengendali Takaful, Orang yang Dilindungi mesti menjalani pemeriksaan perubatan oleh Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Pengendali Takaful berhubung dengan Kejadian yang Dilindungi bagi sesuatu tuntutan yang telah dibuat.
- 4.5 Pada masa setiap pembayaran tahunan, Anda mesti menyerahkan Sijil ini kepada Pengendali Takaful untuk membuat endorsmen pembayaran.

- 4.6 Sebarang tuntutan yang sah di bawah Endorsmen ini akan menghapuskan semua hak, pilihan, nilai dan manfaat lain di bawah Sijil ini termasuk sebarang manfaat yang dibayar apabila Orang yang Dilindungi masih hidup.
- 4.7 Sijil ini akan ditamatkan sebaik sahaja Jumlah Perlindungan Asas bagi HUPK telah didahulukan dan semua bayaran tahunan telah dibayar.

## 5. PENAMATAN

Endorsmen ini akan ditamatkan secara automatik pada mana-mana tarikh berikut yang paling awal:

- 5.1 Apabila suatu tuntutan bagi Fasal 2 di atas telah dibenarkan; atau
- 5.2 pada Ulang Tahun Sijil apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur tujuh puluh (70) tahun hari lahir berikutnya; atau
- 5.3 ketika kematian Orang yang Dilindungi; atau
- 5.4 pada Tarikh Tamat Tempoh atau Tarikh Matang Sijil ini; atau
- 5.5 apabila Pengendali Takaful menerima permintaan bertulis dari Anda untuk penamatan; atau
- 5.6 apabila Sijil ini diserahkan; atau
- 5.7 apabila Sijil ini luput, menjadi batal atau ditamatkan dalam sebarang bentuk yang lain.

\*\*MUKA SURAT TAMAT\*\*